

Berita Harian
Mei 25, 2012

MERUJUK kepada pertanyaan yang dikemukakan Harry Boy, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memang mengalu-alukan pembeli atau pemilik kenderaan menguruskan sendiri urusan pertukaran nama dan sebarang urusan berkaitan JPJ tanpa membabitkan pihak ketiga.

Untuk makuman, JPJ Wilayah ada menyediakan kaunter pertanyaan dengan pegawai terlatih bagi membantu pemilik kenderaan mengisi borang selain memberi khidmat nasihat diperlukan berkaitan urusan memmembabitkan JPJ.

Pihak JPJ Wilayah ingin mengambil kesempatan menasihati pemilik kenderaan supaya tidak menggunakan khidmat pihak ketiga dalam menguruskan urusan berkaitan JPJ bagi mengelakkan sebarang kekeliruan atau kemungkinan ditipu oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

NOOR ZARIHAN ISHAK, Pegawai Perhubungan Awam JPJ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.